

Pendapat bukan arahan: Dr M 2000

KUALA LUMPUR, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kenyataannya sebelum ini bahawa rakyat bukan Melayu boleh menjadi Perdana Menteri bukanlah satu arahan!

“Walaupun pendapat saya diberi pertimbangan, itu bukan menjadi satu arahan. Apa yang saya kata tidak akan menjadi kenyataan melainkan ia menjadi pilihan rakyat,” katanya menjawab soalan tambahan Mohamad Sabu (Pas-Kuala Kedah) di Dewan Rakyat, hari ini.

Ketika merasmikan Perhimpunan Agung MCA Jun lalu, Perdana Menteri antara lain menyatakan orang bukan Melayu boleh menjadi Perdana Menteri kerana Perlembagaan tidak menyebut mengenai syarat keturunan seseorang Perdana Menteri.

Menjawab soalan Mohamad bahawa kenyataan Perdana Menteri itu membuatkan kalangan orang Umno gelisah, Dr Mahathir berkata: “Nampak benarlah parti Pas sanggup terima Kit Siang (Lim Kit Siang, Pengerusi DAP)... sedangkan Umno ni berhati-hati sikit barangkali. Sebab itu mereka khuatir.”

Perdana Menteri juga berkata, jika beliau orang yang begitu berkuasa, sudah lama parti Pas tidak

ada dalam negara ini.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu tidak berlaku kerana negara ini tertakluk kepada perundangan negara dan demokrasi yang diamalkan.

Menjawab soalan tambahan Datuk Dr Yusof Yacob (RN-Sepitang), Dr Mahathir berkata dalam negara pelbagai kaum dan agama di Malaysia, hanya orang Melayu yang berpegang kepada Islam dan kesederhanaan dalam agama boleh menjadi Perdana Menteri.

“Hanya orang yang diterima oleh majoriti penduduk pelbagai kaum yang akan dapat menjadi Perdana Menteri. Justeru, jika ada orang Cina yang diterima oleh orang Melayu, dia boleh menjadi Perdana Menteri,” katanya.

Bagaimanapun, beliau berpendapat sikap pemimpin parti lawan yang selalu menyebarkan perasaan perkauman, seperti hendak menolak hak orang bukan Islam dan menakutkan orang Cina dengan pelbagai cadangan, tidak akan diterima oleh orang Cina dan India, sekali gus tidak berpeluang menjadi Perdana Menteri.

“Orang Melayu yang berpegang kepada ajaran Islam dan kesederhanaan agama, boleh diterima oleh orang Cina. Sebab itulah hingga kini orang Melayu

yang semacam itu saja berpeluang menjadi Perdana Menteri.

“Jenis yang satu lagi mungkinlah di dua tiga negeri dapat menjadi Menteri Besar, tetapi saya fikir setakat itu sajalah,” ujarnya sambil disambut tepukan meja oleh penyokong kerajaan.

Menjawab soalan Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka), Dr Mahathir berkata Malaysia mengamalkan sistem demokrasi dan parti politik yang berjaya mendapat undi majoriti dalam pilihan raya umum akan membentuk kerajaan dan seterusnya wakilnya menjadi Perdana Menteri.

Katanya, Perlembagaan Malaysia tidak menyebut mengenai keturunan bagi melayakkan seseorang itu menjadi Perdana Menteri.

Perdana Menteri berkata, kenyataan perkara itu sama sekali tidak bertujuan menakutkan orang Melayu, tetapi ia adalah hakikat politik yang nyata, yang mungkin terjadi selaras dengan prinsip demokrasi di negara ini.

“Harus diingat pemimpin Pas juga pernah menyatakan kesanggupannya untuk menerima Lim Kit Siang (Pengerusi DAP) sebagai Perdana Menteri. Apakah ia juga ingin menakutkan orang Melayu, Wallahu wa’alam,” katanya.